



SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA
(MOTAC)

**SAMBUTAN HARI ASEAN 2026: MOTAC MEMPERKASAKAN KERJASAMA
SERANTAU MENERUSI PELANCONGAN, BUDAYA DAN INOVASI**

KUALA LUMPUR, 11 OGOS 2026 – Malaysia terus mengukuhkan kepimpinannya dalam memperkasa Komuniti Sosio-Budaya ASEAN dengan menjajarkan sektor pelancongan, seni, budaya dan inovasi sebagai agenda strategik serantau. Langkah ini penting bagi mempererat jalinan antara negara anggota menuju pembentukan Komuniti ASEAN yang lebih inklusif, berdaya tahan, serta berpaksikan rakyat.

Komitmen teguh ini dizahirkan menerusi **Sambutan dan Pameran Hari ASEAN 2026 peringkat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) yang dirasmikan oleh YBhg. Dato' Mohd Yusri bin Mohd Yusoff, Timbalan Ketua Setiausaha (Kebudayaan) MOTAC**, di lobi kementerian hari ini. Turut menyerikan majlis ialah Cik Fiori Rizki Djuwita, Pegawai Bahagian Kebudayaan dan Penerangan (CID), Sekretariat ASEAN, yang mencerminkan sinergi erat antara Malaysia dan Sekretariat ASEAN dalam memacu agenda sosio-budaya serantau.

Sambutan ini bukan sekadar memperingati sejarah penubuhan ASEAN, malah menjadi platform strategik yang membuktikan bahawa pelancongan, seni, budaya dan inovasi mampu merentasi sempadan, sekali gus mendekatkan masyarakat serta memupuk hubungan *people-to-people* yang lebih erat.

Selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI, MOTAC tekad memperkasakan kerjasama serantau agar kepelbagaian budaya ASEAN tidak sekadar diraikan, tetapi dimanfaatkan sebagai kekuatan bersama. Ini seterusnya membuka peluang baharu dalam mencorakkan masa depan rantau yang lebih dinamik, inovatif, dan berdaya saing.

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat

KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)

Tel : 03-8891 7197 | Faks : 03-8891 7181

Laman web : www.motac.gov.my | E-mel : group.ukk@motac.gov.my

Media Sosial - Facebook, Instagram, X & TikTok : @mymotac

